

Sasar 50 koperasi sekolah peroleh RM1j

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 5 Sept. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menasarkankan sebanyak 50 koperasi sekolah akan mencapai pendapatan berjumlah RM1 juta menjelang tahun depan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini, kira-kira 38 daripada 2,421 koperasi sekolah di seluruh negara mencapai perolehan lebih RM800,000.

Menurutnya, bilangan koperasi sekolah antaranya seperti vokasional, harian, asrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sebanyak 2,421 dengan keanggotaan lebih 1.6 juta dengan perolehan melebihi RM400 juta.

"Koperasi sekolah ini perlu diberi perhatian kerana ia merupakan platform dalam melahirkan usahawan pada masa akan datang selari dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang 2030.

"Angkasa melihat sekolah bersesuaian dalam mendidik kerana struktur pimpinan termasuk ahli lembaganya

adalah guru dan pelajar. Oleh demikian, perkara ini memudahkan guru untuk membimbing pelajar dalam ilmu keusahawanan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Perasmian Karnival Kolej Vokasional Shah Alam (KVSA) 2019 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah KVSA, Norhayati Abdul Rahman.

Terdahulu, Abdul Fattah memaklumkan, enam koperasi sekolah pada tahun ini yang mencatat perolehan melebihi RM1 juta ialah Koperasi MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang, Koperasi MRSM Kubang Pasu, Jitra, Kedah, Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah, Kelantan, Koperasi MRSM Batu Pahat, Johor, Koperasi MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang dan Koperasi Sekolah Mene-nengah Kebangsaan Kota, Kota Bharu, Kelantan.

Mengulas lanjut, mengulas lanjut mengenai karnival, Abdul Fattah berkata, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, keusahawanan serta program yang dianjurkan pihak kolej merupakan satu kaedah yang berkesan untuk mengasah kemahiran generik dalam kalangan pelajar.